# PANDUAN PENGGUNA
# PORTAL PERMOHONAN FAEDAH
# ORANG BERINSURANS
# (PENCEN ILAT & PENCEN PENAKAT)

# ISI KANDUNGAN


1.0 PENDAFTARAN PORTAL 2

2.0 PERMOHONAN FAEDAH PERKESO 5

3.0 PERMOHONAN FAEDAH PENCEN ILAT (KEILATAN) 6

4.0 PERMOHONAN FAEDAH PENCEN PENAKAT (KEMATIAN) 11

5.0 PENGESAHAN PERMOHONAN FAEDAH 19

6.0 REKOD PERMOHONAN 20

7.0 KEMASKINI MAKLUMAT PENGGUNA / TUKAR KATA LALUAN 21

## 1.0 PENDAFTARAN PORTAL




**Langkah 1.1** - Log Masuk Portal Permohonan Faedah OB Pautan Sistem : **https://lindungfaedah.perkeso.gov.my**

Sila buat Klik **'Daftar Sekarang'** Bagi Pendaftaran Pengguna

***Pengguna mestilah dikalangan OB/Balu/Duda/Anak/Ibu Bapa/Adik Beradik/Datuk Nenek**




**Langkah 1.2** - Sila lengkapkan maklumat seperti berikut :

i. **Nama Penuh** (Seperti dalam KPPN)
ii. **No. Kad Pengenalan**
iii. **Emel**

iv. **Tetapkan Kata Laluan** (Kata laluan mesti mempunyai sekurang-kurangnya 8 aksara dan 1 simbol (@#$%^&*)
v. **Tanda** persetujuan syarat Pengguna

Sila buat Klik **'Daftar Akaun'** sekiranya  maklumat lengkap diisi




**Langkah 1.3** - Pengguna akan menerima emel selepas klik **'Daftar Akaun'** dan sila klik **'Klik Disini'** untuk pengaktifan.




**Langkah 1.4** - Sistem akan auto keluarkan Emel dan Kata Laluan pengguna, Sila buat Klik butang **'Log Masuk'**




**Langkah 1.5** - Sila lengkapkan **Maklumat Pemohon** diatas




**Langkah 1.6** – Pengguna wajib **Memuat Naik Dokumen** iaitu Gambar Kad Pengenalan Depan dan Belakang

*Pastikan gambar KPPN adalah jelas




**Langkah 1.7** - Sila ambil **Gambar Swafoto** dan pastikan muka di tengah bulatan hijau

**Langkah 1.8** – Pengguna perlu membuat **Pengesahan Pengisytiharan** dan tandakan pada ruangan yang disediakan

**Langkah 1.9** – Sila klik butang **'Hantar'** setelah semua maklumat lengkap diisi




*'Popup Browser'*

## 2.0 PERMOHONAN FAEDAH PERKESO




**Langkah 2.1** – Untuk membuat permohonan, sila klik butang **'Permohonan Baru'** di ruangan **'Permohonan Faedah'**




**Langkah 2.2** - Sila pilih **'Jenis Permohonan'** seperti berikut :

| JENIS PERMOHONAN | FAEDAH PERKESO |
|---|---|
| **Keilatan** | **Pencen Ilat** |
| **Kematian** | **Pencen Penakat** |

## 3.0 PERMOHONAN FAEDAH PENCEN ILAT (KEILATAN)



LINDUNG | PERKESO

Permohonan

Borang Permohonan Faedah

PILIH JENIS PERMOHONAN

Keilatan

Notis Keilatan

**Pencen Ilat ini :**

- Dibayar kepada pekerja yang layak dan disahkan menghidap keilatan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan
- Dibayar bermula dari tarikh Notis Keilatannya diterima atau tarikh berhenti kerja jika pekerja berhenti kerja selepas Notis Keilatan diterima oleh Pertubuhan
- Dibayar selama pekerja mengalami keilatan atau hingga meninggal dunia
- Digantikan dengan Pencen Penakat sekiranya pekerja itu meninggal dunia semasa menerima Pencen Ilat tanpa mengira umurnya

**Syarat Kelayakan**

- Belum mencapai umur 60 tahun pada masa Notis Keilatan diterima; atau
- Sekiranya pekerja telah mencapai umur 60 tahun (berkuatkuasa 1 Januari 2013) pada masa Notis Keilatan diterima, beliau perlu menunjukkan keterangan bahawa:
  - Menghidap suatu keadaan uzur yang berkekalan
  - Tidak berupaya mengambil bahagian dalam kegiatan yang mendatangkan keuntungan
  - Keuzuran terjadi sebelum umur 60 tahun dan tidak lagi bekerja yang menguntungkan sejak itu
- Disahkan menghidap keilatan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan
- Memenuhi syarat kelayakan caruman yang telah ditetapkan sama ada tempoh kelayakan penuh atau dikurangkan

**Dokumen Mandatori**

- Laporan Perubatan atau Laporan Kefungsian Psikiatri & Kesihatan Mental
- Penyata Maklumat Akaun Bank

Seterusnya

Bagi permohonan Pencen Ilat ini, **Pemohon** mestilah memohon bagi dirinya sendiri serta merupakan Orang Berinsurans (OB).

**Langkah 3.1** - Sila baca maklumat berkaitan **Pencen Ilat** yang telah diberikan **dan** pastikan dokumen sokongan seperti **Laporan Perubatan/Laporan Kefungsian Psikiatri & Kesihatan Mental** serta **Penyata Maklumat Akaun Bank** dilengkapkan dan dikemukakan bersama semasa permohonan ini.

**Langkah 3.2** – Sila klik butang **'Seterusnya'**

i. <u>Maklumat Orang Berinsurans (OB)</u>




Maklumat OB akan auto dipaparkan dan boleh **dikemaskini** sekiranya perlu.

**Langkah 3.3** - Sila klik **'Seterusnya'**

ii. <u>Maklumat Keilatan</u>




**Langkah 3.4** - Sila lengkapkan maklumat Keilatan seperti berikut :

i. Perihal Keuzuran* (Pemohon boleh memuat turun format Laporan Perubatan)

ii. Tahun Mula Menghidap Keuzuran*

iii. Adakah Orang Berinsurans masih Bekerja* ;

a. Sekiranya pilih **'Tidak'**,
sila lengkapkan **'Tarikh Berhenti Kerja'**



iv. Nama Doktor Merawat (Rawatan Pertama)

v. Nama Klinik / Hospital (Rawatan Pertama)

(* - Mandatori/wajib diisi)

iii. Maklumat Pekerjaan




**Langkah 3.5** - Sila lengkapkan **'Maklumat Pekerjaan'** sekiranya perlu (Tidak mandatori) dan klik butang **'Seterusnya'**

iv. Maklumat Akaun Bank OB







**Langkah 3.6** - Sila lengkapkan **'Maklumat Akaun'** dan pilih **'Tiada Dalam Senarai'** sekiranya tiada pilihan bank ( * - Mandatori)

**Langkah 3.7** - Klik butang **'Seterusnya'**

v. Muat naik Dokumen




**Langkah 3.8** - Sila 'Muat naik Dokumen' ( * - Mandatori) seperti berikut :

i. **'Laporan Perubatan'**
ii. **'Penyata Akaun bank'**

**Langkah 3.9** – Klik butang **'Seterusnya'**

vi. Pilihan Pejabat Berurusan




**Langkah 3.10** - Pilih **'Pejabat Berurusan'** yang paling hampir dengan kediaman atau tempat tinggal OB bagi memudahkan urusan.

vii. <u>Borang Permohonan Faedah Keilatan</u>




**Langkah 3.11** - Sila semak permohonan dan **’tanda’** perakuan

**Langkah 3.12** – Klik butang **’Hantar’**




*Popup Browser*

*Permohonan anda telah **berjaya dihantar** dan anda akan menerima emel daripada pihak PERKESO. Sila tunggu makluman lanjut daripada pihak PERKESO.

*Pemohon boleh membuat semakan status melalui menu **’Rekod Permohonan’** dari semasa ke semasa **atau** menghubungi pejabat PERKESO berdekatan sebagaimana rujukan pejabat yang ditetapkan bagi urusan permohonan ini.

## 4.0 PERMOHONAN FAEDAH PENCEN PENAKAT (KEMATIAN)


LINDUNG | PERKESO
Permohonan

Borang Permohonan Faedah

PILIH JENIS PERMOHONAN
Kematian

Notis Pencen Penakat

Pencen Penakat dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila Orang Berinsurans meninggal dunia akibat sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

Syarat Kelayakan
- Orang Berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun (berkuatkuasa 1 Januari 2013) dan memenuhi syarat kelayakan caruman (tempoh kelayakan penuh atau dikurangkan)
- Orang Berinsurans meninggal dunia semasa sedang menerima Pencen Ilat tanpa mengambil kira umurnya

Dokumen Mandatori
- Sijil Kematian/Permit kubur
- Bukti pertalian Ibu/Bapa/Adik (Sijil lahir Orang Berinsurans, K/P ibu bapa, Sijil lahir adik)
- Akaun Bank Orang Tanggungan

Seterusnya

Bagi permohonan Pencen Penakat, Keutamaan untuk memohon adalah hubungan seperti berikut :

| BIL. | STATUS | KEUTAMAAN STATUS HUBUNGAN DENGAN SI MATI |
|---|---|---|
| 1. | BUJANG | 1. ANAK ANGKAT YANG SAH<br>2. IBU BAPA DAN / ATAU ADIK BERADIK<br>3. DATUK / NENEK |
| 2. | BERKAHWIN | 1. BALU / DUDA DAN / ATAU ANAK-ANAK KANDUNG / ANGKAT / TIRI<br>2. IBU BAPA DAN / ATAU ADIK BERADIK<br>3. DATUK / NENEK |
| 3. | BERCERAI | 1. ANAK / ANAK ANGKAT<br>2. IBU BAPA DAN / ATAU ADIK BERADIK<br>3. DATUK / NENEK |

* ANAK-ANAK KANDUNG / ANGKAT / TIRI / ADIK BERADIK MESTILAH **BERUMUR DI BAWAH 21 TAHUN** SEMASA OB MATI

**Langkah 4.1** - Sila baca maklumat yang diberi berkaitan **Pencen Penakat** dan klik butang **’Seterusnya’**

i. <u>Maklumat Orang Berinsurans(OB)</u>




**Langkah 4.2** – Pilih **’Status OB’** dan klik butang **’Seterusnya’**

ii. <u>Maklumat Kematian</u>




**Langkah 4.3** – Sila lengkapkan maklumat Kematian ( * - Mandatori) seperti berikut :

a. Tarikh Kematian dan Sebab Kematian
b. Adakah Kematian Berkaitan Dengan Pekerjaan? (Kemalangan)
   Sekiranya pilih **’Ya’**, sila lengkapkan maklumat seperti di bawah dan klik butang **’Seterusnya’**.



iii. Maklumat Waris




**Langkah 4.4** – Sekiranya Pemohon / Penjaga / OT adalah diri sendiri, sila klik ikon **'Pensil'** pada ruangan **Tindakan** untuk melengkapkan maklumat terlebih dahulu. Klik ikon **'Tong Sampah'** sekiranya maklumat OT ini tidak diperlukan.

iv. Maklumat Pemohon




**Langkah 4.5** – Sila lengkapkan **'Maklumat Pemohon'**




*Popup Browser*

Sila pastikan **maklumat penjaga perlu dilengkapkan terlebih dahulu** sebelum melengkapkan maklumat OT.

**Penjaga : Wajib isi 'Maklumat Akaun'**

**OT : Boleh pilih sama ada bayaran ke akaun sendiri atau penjaga**

a. <u>Bayaran Pencen Ke Akaun Sendiri? ( * - Mandatori)</u>




**Langkah 4.6** - Sekiranya anda adalah Penjaga kepada OT, Sila klik **'Ya'** dan lengkapkan maklumat berikut




**Langkah 4.7** - Sekiranya bayaran bukan dari akaun sendiri, Sila klik **'Tidak'** dan pilih nama Penjaga

b. <u>Faedah Pengurusan mayat(FPM) ( * - Mandatori)</u> – **Langkah 4.8**




i. Sekiranya Penjaga / OT / Pemohon merupakan individu yang menguruskan perbelanjaan bagi pengurusan pengebumian, mereka layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM).

ii. Bagi pilihan **'Status Hubungan'** sebagai **Balu / Duda / Anak / Ibu / Bapa**, amaun perbelanjaan pengurusan mayat tidak perlu diisi. Hanya klik **'Ya'** sekiranya ingin membuat tuntutan FPM.

iii. Bagi pilihan **'Status Hubungan'** sebagai **Datuk / Nenek / Adik-beradik**, amaun perbelanjaan pengurusan mayat perlu diisi dan bukti perbelanjaan hendaklah dikemukakan sekiranya ingin membuat tuntutan FPM.

c. Maklumat Bank( * - Mandatori)




**Langkah 4.8** - Sila lengkapkan **'Maklumat Akaun'** dan Pilih **'Tiada Dalam Senarai'** sekiranya tiada pilihan bank

**Langkah 4.9** – Sila klik **'Kemaskini Orang Tanggungan'** apabila maklumat akaun telah dilengkapkan

v. <u>Tambah Waris</u>




**Langkah 4.10** – Maklumat Penjaga / OT / Pemohon boleh ditambah dengan klik pada pilihan **’Tambah Waris’** dan ulangi **Langkah 4.6**

**Langkah 4.11** – Klik butang **’Seterusnya’** sekiranya maklumat Penjaga / OT / Pemohon telah dilengkapkan

iv. <u>Muat Naik Dokumen( * - Mandatori)</u>




**Langkah 4.12** - Sila **’Muat Naik Dokumen’** seperti di atas dan klik butang **’seterusnya’**

vi. Pilihan Pejabat Berurusan




**Langkah 4.13** - Pilih **'Pejabat Berurusan'** yang paling hampir dengan kediaman atau tempat tinggal waris bagi memudahkan urusan.

vii. <u>Borang Permohonan Notis kematian</u>




**Langkah 4.14** – Sila **'Tanda'** perakuan dan klik butang **'Hantar'**, sekiranya permohonan telah dilengkapkan dan disemak sepenuhnya oleh pemohon.




*Popup Browser*

*Permohonan anda telah **berjaya dihantar** dan anda akan menerima emel daripada pihak PERKESO. Sila tunggu makluman lanjut daripada pihak PERKESO.

*Pemohon boleh membuat semakan status melalui menu **’Rekod Permohonan’** dari semasa ke semasa **atau** menghubungi pejabat PERKESO berdekatan sebagaimana rujukan pejabat yang ditetapkan bagi urusan permohonan ini.

## 5.0 PENGESAHAN PERMOHONAN FAEDAH




**Langkah 5.1** – Sila semak **emel** pemohon bagi pengesahan permohonan dan boleh **’Imbas QR’** sekiranya hendak memuat naik dokumen tambahan

## 6.0 REKOD PERMOHONAN

### STATUS PERMOHONAN FAEDAH

| BIL. | STATUS | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | DRAF | Proses permohonan di peringkat Pemohon |
| 2. | DAFTAR | Permohonan telah didaftarkan untuk semakan lanjut PERKESO |
| 3. | DALAM TNDAKAN | Didalam proses semakan Pegawai PERKESO |
| 4. | LULUS | Permohonan telah diluluskan & didalam proses bayaran |
| 5. | TOLAK | Permohonan ditolak kerana tidak mengikut spesifikasi syarat kelayakan faedah PERKESO |
| 6. | KUIRI | Kuiri dokumen atau lain-lain |
| 7. | SELESAI | Permohonan Faedah selesai |




**Langkah 6.1** – Sila klik pada **'Permohonan Faedah'** untuk menyemak status permohonan atau klik ikon **'Tambah Dokumen'** sekiranya terdapat dokumen sokongan yang diperlukan oleh pihak PERKESO.

# 7.0 KEMASKINI MAKLUMAT PENGGUNA / TUKAR KATA LALUAN

a. Kemaskini Maklumat Pengguna




**Langkah 7.1** – Kemaskini Maklumat Pengguna dengan klik **'Kemaskini Maklumat'** pada **'Profil'** Pengguna

b. Tukar Kata laluan




**Langkah 7.2** –Sila klik **'Profil'** dan **'Tukar Kata Laluan'** sekiranya pengguna hendak menukar kata laluan.

* Bagi tujuan keselamatan, pengguna diminta menukar kata laluan setiap bulan bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini.